

11 OCT 2002

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN KERJA KE BRUNEI

Oleh: Salbiah Said

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Brunei hari ini untuk lawatan kerja dua hari.

Dr Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan pesawat khas.

Turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isterinya Datin Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin, serta para pegawai kanan kerajaan.

Ketibaan Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah disambut oleh Menteri Perindustrian Sumber-Sumber Utama Brunei selaku menteri pengiring, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awan Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib dan isterinya Datin Haji Edah binti Haji Mohamed Noor.

Lawatan kerja ini adalah sempena Rundingan Tahunan keenam antara Dr Mahathir dengan Sultan Brunei, Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Rundingan kelima berlangsung di Kuala Lumpur tahun lepas.

Malam ini, Perdana Menteri akan menghadiri majlis perjumpaan di Istana Nurul Iman dengan Sultan Brunei yang akan membincangkan isu-isu dua hala serta isu-isu bersama di peringkat rantau dan antarabangsa.

Mesyuarat itu disertai oleh Syed Hamid Albar dan para pegawai kanan Malaysia dan Brunei.

Selepas mesyuarat berakhir, Sultan Brunei akan menghadiri majlis santapan malam sempena lawatan Dr Mahathir ke Brunei.

Esok, Dr Siti Hasmah akan menghadiri satu perjumpaan berasingan dengan isteri-isteri perwakilan Malaysia di Brunei di kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei, Datuk Salman Ahmad di sebelah pagi.

Pada tengah hari, Perdana Menteri dan isteri akan menghadiri satu perjumpaan dan makan tengah hari bersama masyarakat Malaysia di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Perdana Menteri serta rombongan akan berlepas pulang ke Malaysia pada hari yang sama.

-- BERNAMA

SS HS PR